



BULETIN UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Bil.11 November 2022 | ISSN 2232-0415



Hampir 1000 warga kampus sertai Program Sayangi UTHM Sempena Hari Diabetes Sedunia

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

EXCELLENT



UTHM Johor



subscribe
UTHM TV



Global Technopreneur
University 2030



ISI KANDUNGAN

- 1 Hampir 1000 warga kampus sertai Program Sayangi UTHM Sempena Hari Diabetes Sedunia
- 2 PECIPTA'22: UTHM pertaruh 12 produk, bawa pulang 12 pingat
- 3 UTHM terima Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2020/21
- 4 KKM iktiraf Kolej Kediaman Kampus Pagoh, UTHM sebagai Penganjur Kempen Derma Darah Paling Komited/ Responsif Negeri Johor
- 5 31 Jurulatih Kerjaya dirai dalam Majlis Graduasi Career Coach 2021 & 2022
- 6 Kualiti air Sungai Hutan Lipur Soga Perdana bersih – penyelidik UTHM
- 8 Terbitan Terkini



REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





Hampir 1000 warga kampus sertai Program Sayangi UTHM Sempena Hari Diabetes Sedunia

BATU PAHAT – Hampir 1000 staf dan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyertai Program Sayangi UTHM sempena Hari Diabetes Sedunia Peringkat Universiti bagi tahun 2022 yang diadakan pada 14 November 2022 bertempat di perkarangan Perpustakaan Tunku Tun Aminah, kampus induk.

Program itu diadakan bertujuan untuk menghidupkan kembali kempen 'Sayangi UTHM' yang sebelum ini telah diperkenalkan pada tahun 2019.

Bersempena Hari Diabetes Sedunia, program tersebut diadakan bagi memupuk semangat 'kebersamaan' dalam kalangan warga kampus di samping meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan agar produktiviti kerja dapat ditingkatkan demi kecemerlangan universiti.

Naib Canselor UTHM, Profesor Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim dalam ucapannya berkata sebelum pandemik melanda negara, UTHM pernah menganjurkan beberapa program melalui kempen 'Sayangi

UTHM' di bawah kluster Prihatin Ummah, Kampus Ceria, Alam Lestari, Ringgit dan Pesan Sejahtera.

"Sewaktu saya kembali semula ke UTHM sebagai Naib Canselor, saya berhasrat mahu menghidupkan kembali slogan 'Sayangi UTHM' ini dan jadikan ia sebagai pendorong untuk kita lebih bersama-sama, sekali gus merapatkan lagi hubungan persaudaraan dan semangat kerja berpasukan.

"Saya mahukan semangat ini dapat diserap oleh semua warga kampus dengan bersandarkan Nilai Bersama UTHM iaitu Amanah, Profesional dan Inovatif," katanya ketika merasmikan program tersebut.

Penganjuran Program Sayangi UTHM itu turut mendapat kerjasama daripada Yayasan UTHM, Kelab Staf UTHM (KSUTHM), Persatuan Pensyarah dan Pengajar UTHM (PERKASA), Persatuan Pegawai Pentadbir dan Ikhtisas (PENTAS), Kesatuan Kakitangan Pelaksana (KKP) dan Pejabat Kampus Lestari.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan bagi memeriahkan program antaranya sesi regangan dan fun walk "Ayuh! Jalan Bersama," pemeriksaan kesihatan percuma, program derma darah, perkongsian ilmu "Pengurusan Stress dan Pemakanan Sihat" dan pameran serta jualan produk kesihatan.



PECIPTA'22: UTHM pertaruh 12 produk, bawa pulang 12 pingat



BAHOK – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi mencatat sejarah apabila berjaya membawa pulang 12 pingat daripada 12 penyertaan yang dipertandingkan di Persidangan dan Eskpo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PEIPIPTA) 2022 yang berlangsung pada 1 hingga 3 November bertempat di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Daripada jumlah tersebut, UTHM berjaya meraih enam pingat emas, empat perak dan dua gangsa.

Pingat emas berjaya diraih oleh penyelidik dari Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST), Prof. Madya Ts. Dr. Suliadi Firdaus Sufahani, penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik (FKEE), Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad, Ts. Dr. Ahmad Fateh Mohamad Nor dan Dr. Hisyam Abdul Rahman, penyelidik dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Dr. Mimi Suliza Muhamad dan penyelidik dari Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK), Dr. Khairul Anuar Kamri.

Manakala pingat perak diraih oleh penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Prof. Madya Dr. Mohd Khir Mohd Nor, penyelidik dari FKEE, Dr. Khairul Anuar Mohamad, penyelidik dari FAST, Dr. Aqilah Awg Abdul Rahman dan penyelidik dari Pusat Pengajian Diploma, Ts. Muhammad Shukri Ahmad.

Manakala pingat gangsa pula diraih oleh penyelidik dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Dr. Azita Ali dan penyelidik dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Prof. Madya Dr. Angzaz Sari Mohd Kassim.

Pada penganjuran kali ini, PEIPIPTA'22 telah menerima lebih 433 penyertaan dan produk inovasinya telah dinilai oleh para juri profesional.

Majlis perasmian PEIPIPTA'22 yang berlangsung pada 3 November lalu telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Dr. Mohd Zabri Yusoff.

Untuk rekod, PEIPIPTA'22 merupakan satu platform percambahan fikiran untuk mengumpulkan hasil ciptaan pereka cipta tempatan dan luar negara.

PEIPIPTA juga merupakan pentas terbaik bagi membincang dan mengupas idea baharu berkaitan penyelidikan, inovasi, pengkomersialan, keusahawanan dan masyarakat yang lebih dikenali sebagai RICES.

Pembudayaan ekosistem RICES ini telah diperkenalkan dan diamalkan di UMK dan terbukti berjaya mempercepatkan pembangunan penyelidikan selain berupaya merangsang peningkatan sosio ekonomi keluarga Malaysia.

Objektif utama penganjurannya adalah bagi menyokong matlamat dan aspirasi kerajaan Malaysia dalam menerajui pembangunan negara melalui penekanan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi.

Selain itu, penganjuran PEIPIPTA saban tahun juga dapat meningkatkan keyakinan sektor industri tempatan dan luar negara berkaitan kepakaran penyelidikan yang terdapat di institut pengajian tinggi, dengan menjadikan eskpo tersebut sebagai platform untuk bersama-sama membangunkan aktiviti hiliran ke arah penubuhan sebuah negara maju.

Naib Canselor UTHM, Profesor Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim berharap kemenangan tersebut dapat memberi motivasi kepada penyelidik untuk terus berkarya dan mengembangkan lagi hasil penyelidikan dan inovasinya ke seluruh dunia.



UTHM terima Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Negara 2020/21



SEPANG - Setelah melalui siri Audit oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (MNKPP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (KKP) 2020/21 bagi kategori Institut Pengajian Tinggi pada 11 November 2022 lalu.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (DOSH), Mohd. Anuar Embi ketika berlangsungnya Majlis Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Peringkat Kebangsaan bertempat di Movenpick Hotel and Convention Centre, Sepang.

Untuk rekod, majlis anugerah tersebut merupakan acara tahunan anjuran MNKPP yang bertujuan memberi pengiktirafan kebangsaan kepada tokoh, Ketua Pegawai Eksekutif, wartawan dan organisasi-organisasi dari pelbagai sektor industri yang mempunyai rekod pencapaian yang cemerlang dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja.

Sebanyak 32 kategori dipertandingkan bagi tahun 2020 dan 2021 iaitu 28 untuk

'Organisasi' dan empat untuk 'Individu' yang dinilai berasaskan sektor/industri/individu yang menunjukkan komitmen, prestasi serta sumbangan dalam memastikan KKP cemerlang di tempat kerja.

Untuk Organisasi, kategori yang dipertandingkan meliputi Kategori Sekolah, Kategori Kemudahan Gas, Kemudahan Pembekalan Elektrik, Kemudahan Air, Kewangan, Penyimpanan, Hartanah, Perkhidmatan Perniagaan, Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Pembinaan (Kendalian Bangunan), Pembinaan (Kendalian Kejuruteraan) serta Mentor dan Mentee.

Manakala bagi individu pula, kategorinya dibahagikan kepada wartawan, Ketua Pegawai Eksekutif (awam dan swasta) dan tokoh KKP.

Majlis berkonsepkan makan malam itu turut dihadiri wakil rasmi Naib Canselor UTHM, Prof. Ir. Dr Md. Saidin Wahab; Provost UTHM Kampus Cawagan Pagoh, Prof. Ts. Mohd. Kamarulzaki Mustafa; Pengarah Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (OSHE), Prof. Madya Dr. Balkis A. Talip; Ketua-ketua Unit dan staf Pejabat OSHE, UTHM.

Majlis tersebut turut menyaksikan Dato' Dr. Kanagaraja Raman diumumkan sebagai Tokoh KKP bagi tahun 2020 dan 2021.

Pengarah Pejabat OSHE mengucapkan tahniah kepada semua yang bertungkus lumus memastikan KKP di UTHM berada pada tahap cemerlang.

"Saya berharap UTHM akan terus cemerlang dalam membudayakan dan melonjakkan agenda KKP sebagaimana yang diwartakan dalam OSHMP25," katanya.



KKM iktiraf Kolej Kediaman Kampus Pagoh, UTHM sebagai Penganjur Kempen Derma Darah Paling Komited/Responsif Negeri Johor



PAGOH - Bersempena Hari Penderma Darah Sedunia 2022 Peringkat Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengiktiraf Kolej Kediaman Kampus Pagoh (KKKP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sebagai penganjur kempen derma darah paling komited/responsif bagi negeri Johor.

KKKP telah dicalonkan untuk kategori tersebut untuk negeri Johor ke peringkat kebangsaan dan telah dipersetujui oleh semua Pusat Kutipan Darah di negeri Johor antaranya adalah Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSF Muar), Hospital Sultanah Aminah (Johor Bahru), Hospital Sultan Ismail (Johor Bahru), Hospital Sultanah Nora Ismail (Batu Pahat), Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom (Kluang), dan Hospital Segamat. Pencalonan ini juga disokong oleh Pusat Darah Negara (Kuala Lumpur).

Pengiktirafan tersebut telah disampaikan oleh Dr. Rosaina Senan, Pakar Perubatan Transfusi merangkap Ketua Unit Perubatan

Transfusi, Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSF) kepada Dr. Mohd Faisal Hushim, Timbalan Pengetua 1, KKKP UTHM.

Menurut Dr. Mohd Faisal Hushim yang juga penasihat program kempen derma darah di kolej kediaman tersebut, program itu terbuka kepada semua pelajar dan penghuni di sekitar Hab Pendidikan Tinggi Pagoh.

"Berpegang kepada prinsip UTHM Prihatin, dan dengan kerjasama erat bersama Unit Perubatan Transfusi HPSF, pihak kolej kediaman akan sentiasa komited di dalam mempromosikan dan menggalakkan masyarakat sekitar untuk menderma darah.

"Dengan pengiktirafan daripada pihak KKM ini telah meningkatkan lagi semangat pihak kami untuk terus menjadi tunjang utama sebagai penganjur program derma darah dalam memastikan stok bekalan darah negara sentiasa di paras optimum," katanya.

Untuk rekod, bagi tahun 2022 sahaja, pihak KKKP UTHM telah melaksanakan 10 kali program derma darah dan berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan oleh pihak hospital setiap kali ianya dilaksanakan.

Pihak kolej juga turut diberi pengiktirafan oleh pihak HPSF selaku penganjur kempen derma darah dengan kutipan tertinggi pada Majlis Apresiasi Kepada Penderma Darah dan Penganjur Kempen Derma Darah sempena Sambutan Hari Penderma Darah di Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar (HPSF) pada Ogos 2022 lalu.

'Derma Darah, Kukuhkan Perpaduan'
'Satu Beg Darah Mampu Selamatkan
Tiga Nyawa'
'Darah Tanpa Sempadan'

31 Jurulatih Kerjaya dirai dalam Majlis Graduasi Career Coach 2021 & 2022



BATU PAHAT – Seramai 31 peserta yang telah mengikuti Kursus Jurulatih Kerjaya dirai dalam satu Majlis Graduasi Career Coach 2021 & 2022 yang diadakan pada 8 November 2022 lalu bertempat di Perpustakaan Tunku Tun Aminah, kampus induk.

Majlis tersebut diadakan bagi menghargai dan mengiktiraf kesemua peserta Career Coach yang telah berjaya memberi sumbangan dan komitmen mereka sepanjang tempoh lantikan.

Mereka sebelum ini telah menerima latihan dari HC Consultants Group sebelum layak menerima sijil.

Program anjuran Jabatan Kerjaya Pelajar, Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni (PKKA), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) itu telah disempurnakan oleh Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Prof. Ts. Dr. Mohd Kamarulzaki Mustafa selaku wakil rasmi Naib Canselor.

Hadir sama ke majlis tersebut, Pengarah Pusat Kemajuan Kerjaya

dan Alumni, Prof. Madya Ir. Dr. Muhammad Saufi Kamarudin, Group CEO, HC Consultants Group, Sunil Hasmukharay dan Dekan-dekan fakulti.

Majlis tersebut turut menyaksikan penyampaian sijil kepada Jurulatih Kerjaya bagi tahun 2021 dan 2022 sebagai satu simbolik graduasi.

Career Coach merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan oleh PKKA bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan memberikan khidmat nasihat kerjaya secara percuma sepanjang tahun kepada semua pelajar dan alumni UTHM.



Kualiti air Sungai Hutan Lipur Soga Perdana bersih – penyelidik UTHM



BATU PAHAT - Sekumpulan penyelidik terdiri daripada pensyarah dan pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mendapati kualiti air Sungai Hutan Lipur Bukit Soga Perdana bersih daripada sebarang pencemaran.

Penentuan kualiti air sungai itu dibuat menggunakan penunjuk kimia dan biologi pada 30 Ogos 2022 lalu bersama 25 pelajar dan tiga guru dari Sekolah Menengah (P) Temenggong Ibrahim, Batu Pahat.

Menurut penyelidik, Dr. Siti Hidayah Abu Talib yang juga pensyarah FKAAB, Sungai Hutan Lipur Soga Perdana dipilih kerana lokasi ini merupakan kawasan hulu sungai yang masih belum terlibat dengan sebarang bentuk pembangunan.

“Oleh kerana kawasan rekreasi ini menjadi tumpuan ramai, pihak kami terpanggil untuk mengenal pasti tahap kualiti airnya bagi memastikan keselamatan pengunjung lebih terjamin.

“Dengan adanya kajian penentuan tahap kualiti air di sungai terbabit, ia dapat menarik minat lebih ramai pengunjung untuk datang beriadah,” katanya.

Pelaksanaan program seumpama itu bukan sahaja dapat

menentukan kualiti air malah dapat memindahkan ilmu dan memberi pengalaman baharu kepada para pelajar dan guru sekolah.

“Pelajar dan guru yang hadir kelihatan begitu teruja dapat menangkap haiwan makroinvertebrata yang merupakan penunjuk bio dalam kajian ini.

“Manakala penunjuk kimia pula terdiri daripada pH, oksigen terlarut dan beberapa parameter lain. Kedua-dua penunjuk ini dicerap dengan menggunakan kit pendidikan kualiti air yang dibekalkan kepada setiap kumpulan,” jelas beliau.

Untuk rekod, kit yang dibekalkan itu telah direka bentuk oleh beberapa pensyarah dari FKAAB bagi memudahkan proses persampelan haiwan makroinvertebrata dan menganalisis kualiti air di tapak.

Kit yang dilengkapi dengan buku manual itu juga turut menyediakan tempat penyimpanan yang selamat untuk membawa sampel dari sungai ke tempat analisis.

“Gabungan penunjuk bio dan kimia di dalam kit tersebut masih belum ada dalam pasaran sama ada di dalam atau luar negara, sekali gus turut menarik minat guru-guru sekolah untuk menggunakan untuk pengajaran dan pembelajaran di sekolah,” tambah Dr. Siti Hidayah.

Program ini dibiayai oleh Pusat Pengajian Siswazah, UTHM memandangkan 15 pelajar sarjana mahu terlibat sama bagi menambahkan lagi pengetahuan dan pengalaman baharu mereka.

“Pihak kami berharap program seumpama ini dapat dijalankan bersama para pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi yang lain juga.

“Kami juga amat mengharapkan masyarakat sentiasa peka mengenai kualiti air di tempat mereka sekali gus dapat mewujudkan satu bentuk kerjasama untuk menangani masalah pencemaran air yang semakin berleluasa pada ketika ini,” katanya.





IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN WEB) DENGAN KEPUJIAN (BIW)

SYARAT KEMASUKAN AM

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu Kertas Julai;
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

KEMASUKAN ADALAH DARI LEPASAN :

- ✓ Matrikulasi
- ✓ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf
- ✓ Diploma/Setaraf

*Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan syarat khas sila scan QR Code atau layari laman web FSKTM UTHM

UNTUK MAKLUMAT
LANJUT SILA IMBAS
QR CODE



SCAN ME



Fakulti Sains Komputer &
Teknologi Maklumat
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia,
86400, Parit Raja, Batu Pahat,
Johor, Malaysia



TEL.: +(607) 453 3601
FAX: +(607) 453 6023
<http://fsktm.uthm.edu.my/>

PROSPEK KERJAYA

Terdapat banyak peluang kerjaya apabila mengikuti bidang ini diantaranya adalah menjadi sebagai:



PENGATURCARA WEB

WEB SPECIALIST

PENGURUS PROJEK WEB

PENGANALISA WEB

PEMBANGUN KANDUNGAN
WEB

PEREKA WEB




KELEBIHAN PROGRAM INI

Memberikan manfaat kepada para pelajar dari segi pengembangan pengetahuan dalam bidang pembangunan web dan ia juga selaras dengan matlamat UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran industri.



Terbitan Terkini




HOW MALAYSIAN NEWSPAPERS REPRODUCE ISLAMOPHOBIA

Mohd Nazri Latiff Azmi, Isyaku Hassan, Mohammad Talha Mohamed Idris

e-978-967-2817-70-3

RM 19.00

The media are blamed for using biased language to stigmatize Muslims. Many people believe that the media's negative portrayal of Islam is one of the most socially prevalent and significant sources of Islamophobia. This book explores how Islamophobia is reproduced in selected Malaysian newspapers from a framing perspective. Framing theory considers meaning as existing particularly in the media messages. It focuses on the influence of news viewpoints used by journalists on the audiences. The Star and New Straits Times were chosen for analysis. It was discovered that the newspapers tend to reproduce Islamophobia through the use of conflict frames, negative tone, use of photos, and sensational language. Further analysis showed that the western media's negative content influences how newspapers report Islam in Malaysia. Journalist's perception, corporate ownership of the media, editorial policies, government regulations, and lack of proper training amongst journalists influences news reporting of Islam. The spread of Islamophobia can be minimized through the collective effort of journalists, editors, corporate ownership of the media, and by being conflict-sensitive and restrictive to the actors.



THE CRISIS OF CLIMATE CHANGE : IMPACT ON CALAMITIES IN MALAYSIA

Siti Nazahiyah Rahmat, Nurul Nadrah Aqilah Tukimat

e-978-967-2817-69-7

RM 18.00

Climate change is emerging as a global phenomenon. Much research has been devoted to study the consequences on a wide range of human and environmental systems. In Malaysia, more intense and frequent extreme events are expected due to extreme climate change. The Crisis of Climate Change: Impact on Calamities in Malaysia offers an insightful look at climate variability, floods, and droughts despite no previous understanding of climate processes. It also presents a basic definition of weather calamities that can help general readers better understand the causes of climate variability and the consequences. The book contains four chapters related to climate change. It collects the latest information and findings of possible future climate based on case studies that have been carried out in some parts of Pahang and Johor, Malaysia. The impact of climate change on the implementation of rainwater harvesting (RWH) as one of the adaptation measures is also discussed. Future climate should be considered in the design and planning of the RWH system so that the system can sustainably meet stormwater management requirements. The most important thing is that the impacts of climate change need to be studied at the regional or local scale to improve planning and management for a climate-resilient future.

Terbitan Terkini



REVOLUSI INDUSTRI

Suhaizal Hashim, Nurhanim Saadah Abdullah, Usuloudin Hamzah

e- 978-967-2817-77-2

RM 19.00

Terhasilnya buku ini adalah atas hasrat untuk berkongsi sedikit pengetahuan mengenai revolusi industri terkini yang pesat berkembang mengikut peredaran masa. Sejarar dengan kehendak pendidikan abad 21, atas kesedaran bahawa masih ramai lagi antara kita masih kurang cakna tentang proses yang sedang pesat berlangsung ini. Dengan adanya transformasi sebegini, proses pertumbuhan ekonomi menjadi lebih kuat dan menghasilkan tahap produksi lebih tinggi.

Buku ini disusun dalam beberapa bab meliputi beberapa topik mengikut perkembangan Revolusi Industri di negara-negara maju dan tidak ketinggalan juga perkembangannya di Malaysia. Selain itu, pecahan dalam elemen-elemen revolusi industri ini juga telah dihuraikan untuk memudahkan lagi kefahaman pembaca dalam menghayati dan memahami proses-proses tersebut. Setiap elemen revolusi industri yang dibincangkan ini disertakan dengan sokongan beberapa kajian yang telah dijalankan serta contoh dari persepsi penulis sendiri untuk memudahkan kefahaman kepada pembaca.



“UTHM Championing TVET”